


Siri Kebudayaan Riau



Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia

KAT
DS
594
H63
J.8

Haji Mohtar bin H. Md. Dom

Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia

Siri Kebudayaan Kita

Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Málaysia

Haji Mohtar bin H. Md. Dom

105240
DOBIS



00000372239



FEDERAL PUBLICATIONS

Kuala Lumpur · Singapore · Hong Kong

Prakata

Penyelidikan telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu tebal dan kukuh dengan kepercayaan mereka, adat resam mereka, permainan-permainan asli mereka, tarian-tarian mereka dan berbagai-bagai lagi. Sejarah telah menunjukkan bahawa adat resam Melayu ini dibawa mula-mulanya dari Tanah Hindi (India), dan seterusnya dengan kedatangan ugama Islam ke rantau ini, adat resam ini, dipengaruhi pula oleh Islam.

Sedikit demi sedikit, diperhatikan dengan peredaran zaman, dan pengaruh sains dan teknologi dari Barat, jenis-jenis tasyul, kecenderungan kepada bomoh dan lain-lain lagi ini semakin menghilang. Kalau pun diketahui atau disimpan lagi, unsur-unsur begini masih terdapat di dalam kajian ilmiah atau akademik di Universiti-Universiti dan di Maktab-Maktab, atau lain-lain Institusi.

Di peringkat Maktab Perguruan Bahasa, umpamanya, kajian bercorak akademik begini memang terus-menerus dibuat, dan hasilnya adalah kadang-kadang menakjubkan. Oleh sebab dikhawatiri bahawa pada suatu masa kelak, kiranya usaha-usaha untuk mengekalkan pengetahuan tentang hal-hal ini tidak dibuat, hal-hal ini akan luput, maka sekarang ini dipersembahkan untuk pembacaan umum segala unsur yang berkaitan di dalam beberapa buah buku yang bersiri.

Siri buku-buku ini akan mengandungi antara lain:

1. Tasyul dan Kepercayaan
2. Bomoh dan Hantu
3. Istiadat Perkahwinan Masyarakat Melayu
4. Kepercayaan dan Pantang-Larang
5. Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia.

Apa-apa yang terkandung di dalam siri buku-buku ini adalah dihidangkan untuk bacaan umum di dalam masa lapang. Sungguhpun ianya bercorak ilmiah tetapi ringan untuk dibaca. Bagi pembaca kaum Melayu, adalah diharapkan supaya mereka dapat mengingati semula apa yang telah diikuti oleh orang-orang Melayu turun-temurun. Bagi pembaca yang bukan Melayu,

adalah diharapkan, setelah membaca tiap-tiap satu buku itu, mereka akan lebih faham serta insaf akan adat resam orang-orang Melayu dan dengan itu lebih bersefahaman dengan saudara-saudara mereka kaum Melayu.

Kandungan siri buku-buku ini adalah hasil penyelidikan yang rapi, dibuat mengikut daerah dan negeri di Malaysia ini. Sebagai Ketua, Jabatan Pengajian Melayu, di Maktab Perguruan Bahasa ini, selama lebih 16 tahun, saya berpeluang menyemak dan menyelidik sendiri unsur-unsur seperti yang dijelaskan di dalam tiap-tiap satu buku ini.

Maktab Perguruan Bahasa,
Lembah Pantai,
Kuala Lumpur.
9hb. April, 1977

PENGARANG

Kandungan

1. Adat Perpatih	1
2. Pelbagai Cerita Dari Negeri Sembilan	32
3. Adat Istiadat Masyarakat Malaysia	45

1. Adat Perpatih

Adat perpatih ini adalah adat yang dipakai oleh kebanyakan orang Melayu di Negeri Sembilan dan juga Naning di dalam negeri Melaka.

Sebenarnya ictilah *adat* dalam rangkaian kata *Adat Perpatih*, membawa makna yang luas dan pengertian yang dalam. Adat Perpatih itu bukan sahaja tatatertib dan peraturan yang bersangkut paut dengan kebiasaan-kebiasaan dan kelaziman yang kecil seperti adat mengerat pusat, adat mencukur anak dan lain-lain, malah ia merupakan segala peraturan dari yang kecil kepada yang besar termasuklah undang-undang megenai pentadbiran dan pemerintahan negeri.

Tegasnya Adat Perpatih adalah lengkap dengan segala tatatertib, segala peraturan dan segala undang-undang atau lebih tepat lagi merupakan seolah-olah satu perlombagaan.

Adat Perpatih berasal dari Minangkabau, sebuah negeri yang terletak di sebelah barat Pulau Sumatra, Indonesia. Tempat ini ada diceritakan dalam pantun di bawah ini:

*Aku hilir ke Inderagiri,
Semalam di Padang Panjang.
Di mana adat mula berdiri,
Di Periangan, Padang Panjang.*

(‘Periangan, Padang Panjang’ ialah nama tempat di dalam negeri Minangkabau).

Menurut sejarah beratus-ratus tahun dahulu ramai orang Minangkabau pergi merantau meninggalkan tanahair mereka. Di antara mereka itu ada yang sampai ke Semenanjung Tanah Melayu. Orang-orang Minangkabau ini membuka negeri-negeri baru di kawasan

2. Pelbagai Cerita Dari Negeri Sembilan

Kisah Datuk Perpatih

Seorang raja di negeri atas angin yang bernama Sang Sapurba telah turun di Bukit Si Guntang di Tanah Palembang. Baginda berkahwin dengan Démang Lebar Daun, puteri kepada raja yang bertakhta di negeri Palembang itu. Hasil dari perkahwinan mereka, terdapat empat orang anak, dua lelaki dan dua perempuan. Lelaki bernama Sang Nila Utama dan Sang Maniaka. Perempuannya bernama Chendera Dewi dan Bilal Daun.

Pada suatu hari Sang Sapurba pergi belayar. Dalam pelayaran itu baginda masuk ke Sungai Inderagiri dan mudik hingga ke Langundi Nan Báselo. Ketua di tempat ini bernama Datuk Suri Diraja. Ia seorang cerdik pandai yang mendapat ilmu pengetahuan setelah beberapa lama bertapa disebuah gua di Gunung Berapi.

Kedatangan Sang Sapurba itu disambut oleh penduduk di situ dengan meriahnya. Begitu meriah sekali sambutan mereka sehingga tempat itu dinamakan "Periangan". Walaupun Sang Sapurba mendapat sambutan dari anak negeri sebegini tetapi tiada seorang pun yang ingin berajakannya.

Oleh kerana itu Sang Sapurba pun pindahlah ke Batu Gedang dengan menyandang pedang panjang. Ia melalui padang rumput yang panjang, oleh kerana itu tempat tersebut dinamakan "Padang Panjang". Padang Panjang dengan negeri Periangan berdekatan letaknya. Kedua-dua buah negeri ini disatukan dipanggil "Periangan Padang Panjang". Negeri inilah yang mula-mula sekali terdiri di Alam Minangkabau. Di Periangan Padang Panjanglah maka Adat mula-mula didirikan seperti kata-kata di dalam pantun:

*Akan menghilir ke Inderagiri,
Semalam di Padang Panjang,
Di mana adat mula berdiri,
Di Periangan Padang Panjang.*

Walaupun Sang Sapurba pindah ke Padang Panjang, ia tidak juga dapat menjadi raja di negeri itu sebab Padang Panjang termasuk dalam daerah Periangan.

Di Padang Panjang Sang Sapurba berkahwin pula dengan Indok Julita saudara perempuan Datuk Suri Diraja. Mereka mendapat beberapa orang anak. Di antara anak-anaknya itu ada seorang anak lelaki diberi nama Sutan Paduko Basa.

Tiada beberapa lama kemudian Sang Sapurba pun mangkatlah. Setelah beberapa lama suaminya mangkat, Indok Julita kahwin dengan Nenek Indok Jati seorang pertuan dalam negeri tersebut, tempat orang berguru dan bertanya.

Hasil perkahwinan ini mereka mendapat beberapa orang anak. Seorang anak lelakinya diberi nama Sutan Balun. Sutan Balun pada waktu kecil sangat suka berkelahi dengan saudara tuanya Sutan Paduko Basa. Pada suatu hari terjadilah perkelahian antara dua bersaudara ini. Sutan Paduko Basa berjaya memukul kepala Sutan Balun hingga luka berparut. Parut ini kekal di kepala Sutan Balun seumur hidupnya.

Nenek Indok Jati banyak menghabiskan waktunya dengan ber-tapa. Ia jarang pulang ke rumahnya. Ini menimbulkan rindu Sutan Balun terhadap ayahnya. Pada suatu hari Sutan Balun masuk ke hutan untuk bertemu dengan ayahnya. Kata ibunya, di mana burung helang berkutil di situlah Sutan Balun harus menyerukan nama ayahnya. Sutan Balun duduk di bawah sepoohon besar dan ia terdengar seekor burung helang berkutil. Maka segeralah ia menyeru nama bapanya. Seruan Sutan Balun didengari oleh Nenek Indok Jati. Ia segera berjumpa dengan Sutan Balun. Sutan Balun sangat gembira bertemu dengan ayahnya dan setuju tinggal bersama ayahnya beberapa waktu. Ia diajar oleh ayahnya ilmu kebal, ilmu adat, sopan santun dan ilmu lain-lain lagi. Ia juga diajar peraturan bersopan santun, cara beradat, cara bergaul dan cara mentadbirkan negeri. Setelah mendapat ilmu dari ayahnya ia pulang kepada ibunya.

Tiada berapa lama dengan ibunya Sutan Balun pergi mengembara. Banyak negeri dikunjunginya iaitu Tanah Melayu, Burma, Siam, Negeri China, Tanah Hindustan, Sri Langka dan negeri-negeri lain.

Saudara tuanya Sutan Paduko Basa dilantik menjadi Penghulu negeri Periangan Pandang Panjang dengan gelaran Datuk Temenggong. Adik Sutan Balun bernama Si Mambang menjadi Penghulu di Tanah Datar bergelar Datuk Seri Maharaja Nan Sa Genap Dunia.

Beberapa lama merantau Sutan Balun balik ke negerinya tetapi seorang pun tidak mengenalinya. Timbul pula keinginannya berkahwin dengan gadis pilihannya. Tetapi perkahwinannya dibatalkan sebab gadis pilihannya ialah saudara seibu tetapi berlainan bapa. Sutan Balun dilantik menjadi Penghulu bergelar Datuk Perpatih Nan Sebatang. Namanya terkenal di merata-rata tempat dengan bijaksana dan budi bahasanya.

Perselisihan faham telah berlaku diantara Datuk Temenggong dengan Datuk Perpatih.

Datuk Temenggong itu pemerintahan beraja. Segala peraturan yang disusun oleh Datuk Temenggong merupakan keputusannya sendiri belaka. Tetapi pemerintahan Datuk Perpatih sentiasa bermaufakat dengan penghulu dan cerdik-pandai untuk melaksanakan sesuatu peraturan negerinya. Kerana takut perselisihan ini berlarutan maka sekelian Penghulu dan cerdik-pandai mengadakan mesyuarat di Padang Sikuban untuk menyelesaikan perselisihan.

Mesyuarat ini bersetuju memecahkan negeri kepada dua bahagian. Bahagian di bawah Datuk Temenggong ialah Laras Koto Piliang. Di bawah Datuk Perpatih ialah Laras Bodi Caniago. Kedua-dua bahagian ini dipecah-pecahkan menjadi Suku yang asli iaitu Suku Koto, Piliang, Bodi dan Caniago. Sejak itulah setiap anak buah harus hidup dalam kumpulan atau Suku masing-masing. Tetapi Datuk Perpatih masih tidak berpuas hati. Maka peperangan dua bersaudara pun berlakulah. Datuk Temenggong berjaya mengalahkan Datuk Perpatih. Oleh sebab kekalahan itu, Datuk Perpatih pun pergilah ke sungai Terap. Sampai di situ lalu ditikamnya batu itu hingga tembus, dan dari batu itu keluar buih. Tempat itu dinamakan Batu Bertikam hingga sekarang ini.

Beberapa lama kemudian, terbit fikiran Datuk Perpatih untuk berbaik semula dengan saudaranya. Mereka berdamailah di Periangan Padang Panjang. Kemudian timbul pula fikiran Datuk Perpatih untuk memanjangkan tali persaudaraannya, lalu dikahwinkan anak-cucunya dengan anak-cucu Datuk Temenggong. Sejak itu berkembang biaklah anak-cucu mereka sampai ke zaman sekarang.

Asal Minangkabau

Sekali peristiwa datanglah sebuah angkatan perang Majapahit menyerang Negeri Alam Di Pulau Sumatera. Mereka berkhemah di suatu tempat bernama Bukit Batu Patah. Maka gemparlah penduduk Negeri Alam. Penghulu dan cerdik-pandai berundinglah dengan diketuai oleh Datuk Ketemenggongan dan Datuk Perpatih Nan Se Batang. Sedang mereka berbincang tibalah seorang utusan tentera Majapahit ke tempat persidangan untuk mengadap Datuk Suri Di Raja. Kedatangan utusan ini bermaksud orang-orang Negeri Alam hendaklah menyerahkan negerinya pada pemerintahan Raja Majapahit. Jika enggan menyerahkannya Negeri Alam akan diancam oleh angkatan Majapahit.

Mendengarkan utusan itu maka Datuk Perpatih Nan Se Batang mengeluarkan fikirannya. Ia berpendapat supaya Negeri Alam menyambut angkatan Majapahit itu, dan nasib Negeri Alam akan ditentukan oleh satu perlagaan kerbau. Jika kerbau orang Majapahit menang orang-orang Negeri Alam rela menyerahkan negerinya. Jika kerbau Majapahit yang kalah, orang-orang Mahapahit hendaklah meninggalkan negeri itu.

Datuk Suri Di Raja menyampaikan rancangan Datuk Perpatih kepada Raja Majapahit. Rancangan ini diterima oleh Majapahit. Orang-orang Majapahit telah menghantar seekor kerbau yang besar bernama Si Binuang Jati, manakala orang-orang Negeri Alam dengan seekor anak kerbau yang sedang menyusu. Tetapi anak kerbau ini tidak diberi menyusu selama seminggu. Pada tanduk anak kerbau ini dipasang besi tajam beracun.

Perlagaan itu dimulakan. Kerbau orang Majapahit dilepaskan ke dalam gelanggang. Ia berlari-lari mencari lawannya. Orang Majapahit bersorak kesukaan. Setelah itu kerbau orang-orang Negeri Alam pula dilepaskan. Anak kerbau itu terus menerkam kepada Binuang Jati. Ia menyondol-nyondol mencari teteknya. Binuang Jati hanya tercengang-cengang sahaja. Dalam menyondol-nyondol itu, besi tajam yang dipasang oleh orang-orang Negeri Alam pada tanduk kerbau tadi tertusuk pada perut kerbau yang besar itu. Binuang Jati menguak-nguak kesakitan tetapi anak kerbau itu masih menyondol-nyondol juga. Akhirnya Benuang Jati lari keluar dari gelanggang dan terus mati di sebuah kampung.

Orang-orang Negeri Alam bersorak-sorak dengan gembiranya. “Kerbau kita menang! Kerbau kita menang!” pekik mereka dengan bergemuruh.

Kerana sudah berjanji, orang-orang Majapahit pun berangkat pulang ke negeri mereka. Sejak hari itu Negeri Alam bertukar nama menjadi Minangkabau (daripada perkataan “menang-kerbau”).

Kisah Sungai Ujong

Temiang adalah sebuah kawasan kecil dalam bandar Seremban. Di situ ada sebuah sungai kecil bernama Sungai Temiang. Ada juga terdapat bukit bernama Bukit Jong iaitu tempat orang-orang Tionghua terutamanya membayar niat.

Pada zaman dahulu kala Sungai Temiang itu ialah sebuah sungai yang besar. Pada waktu itu ramai saudagar kaya datang ke Temiang menaiki jong besar untuk bermiaga membeli barang-barang mentah seperti beras, bijih timah, perak, emas dan lain-lain lagi.

Ada seorang janda yang miskin, Induk Peraga namanya tinggal di sebuah kampung kecil di tepi Sungai Temiang bersama-sama dengan anak lelakinya bernama Johan.

Kehidupan Induk Peraga dan Johan tersangat susah. Induk Peraga mengambil upah bekerja di sawah-sawah orang dan menjaja buah-buahan dan sayur-sayuran. Johan pula mengambil upah membawa air minum, kayuapi untuk perbekalan jong itu. Dengan melakukan kerja-kerja ini Johan mendapat wang, sahabat dan kehalan yang ramai. Di samping itu Johan mendengar bermacam-macam cerita mengenai kisah-kisah pelayaran. Akhirnya cerita ini mempengaruhi jiwa Johan. Ia telah mengambil keputusan untuk menjadi pelaut. Induk Peraga membenarkan anaknya pergi belayar dengan jong Nakhoda Tampan. Bagi Induk Peraga, hari pelayaran itu merupakan hari yang sangat mendukacitakannya. Tetapi bagi Johan merupakan hari yang paling bahagian dalam hidupnya.

Ada seorang saudagar yang sangat kaya di Kota Melaka. Namanya Orang Kaya Dagang. Ia seorang janda dan mempunyai seorang anak perempuan bernama Puteri Kaya Intan. Kepada saudagar inilah Nakhoda Tampan bekerja.

Orang Kaya Dagang telah tertarik hati kepada perawakan Johan sejak perkenalannya tujuh tahun yang lalu. Sifat-sifat seperti Johan inilah yang dicarinya untuk dijadikan menantunya.

Johan telah menunjukkan kerajinannya bekerja. Ia juga merupakan seorang pelaut yang handal dan pahlawan yang gagah berani. Ia berani menentang lanun-lanun yang menyerang jongnya. Sekarang nama Johan terkenal pada para pelaut.

Pada suatu hari Nakhoda Tampan meninggal dunia. Oleh itu

Orang Kaya Dagang telah melantik Johan mengambil tempat Nakhoda Tampan. Tawaran ini diterima oleh Johan. Sejak hari itu Johan dikenal sebagai Nakhoda Johan. Ia telah menunjukkan kecekapannya di dalam pelayaran, dan Orang Kaya Dagang sangat tertarik hati untuk menjadikannya sebagai menantunya.

Pada suatu hari ia telah menawarkan kepada Nakhoda Johan menjadi pembantu kanan menguruskan perniagaannya. Tawaran itu diterima oleh Nakhoda Johan, dari itu tidaklah lagi ia pergi belayar. Ia telah menunjukkan kecekapannya di dalam perniagaan, dan ini menambahkan rasa tertarik lagi oleh Orang Kaya Dagang terhadap Johan. Ia telah diberi gelaran Orang Kaya Johan Bangsawan. Oleh sebab Orang Kaya Dagang tertarik hati dengan Johan, maka dikahwinkan dengan puterinya iaitu Puteri Kaya Intan.



Segala kisah-kisah Nakhoda Johan telah didengar oleh ibunya Induk Peraga melalui para pelaut yang datang ke Temiang itu. Berita yang menyenangkan itu disambut dengan kesyukuran oleh Induk Peraga.


Pada suatu hari masuklah sebuah jong yang sangat besar di Kuala Sungai Temiang. Jong ini kepunyaan Orang Kaya Johan Bangsawan bersama-sama isterinya. Ramailah orang berkerumun untuk melihat wajah isteri Johan. Bila didengar oleh Induk Peraga nama Johan disebut-sebut tergesa-gesalah ia pergi ke jong itu dan berseru-seru, "Johan, Johan anakku, selamat pulang anakku. . ." Dengan perasaan gembira Induk Peraga terbongkok-bongkok mendapatkan anaknya serta memeluk dan mencium anaknya. Tetapi oleh sebab Johan merasa malu kepada isterinya lalu ia menolak ibunya hingga orang tua itu jatuh tertiarap. Katanya, "Perempuan gila! Nyah engkau dari sini!"

Induk Peraga diseret orang ke darat, tetapi Induk Peraga terus berseru-seru nama Johan anaknya. Melihat perbuatan suaminya ini Puteri Kaya Intan marah dan menyuruh Johan mendapatkan ibunya. Tetapi telah terlambat. Induk Peraga telah menaiki perahunya dan telah berserah kepada Tuhan Yang Maha Kuasa. Ia tidak mengaku Johan anaknya. "Johan bukan anakku! Aku tiada beranak lagi!"

Dengan sekonyong-koyong sahaja hujan turun dengan lebatnya, kilat memancar, petir halilintar berdentum-dentum. Angin puting beliung turun dengan kuatnya dan dengan secepat kilat dibawanya jong Orang Kaya Johan Bangsawan tercampak di daratan. Jong dan orang-orangnya telah menjadi batu.

Induk Peraga pun tergesa-gesa pergi ke jong itu. Ia memeluk anaknya yang sudah menjadi batu itu. Pada waktu itulah terbit rasa kesal hatinya tetapi sudah terlambat.

Maka sejak itu tempat itu dikenal orang dengan Bukit Jong dan daerah disekitarnya dikenal dengan nama Sungai Ujong.




Kisah Seri Menanti

Penghulu Luak Sungai Tarap bergelar Datuk Bendahara. Ia mempunyai seorang kerabat bergelar Datuk Raja, isterinya bernama Tok Seri dari Suku Batu Hampar.

Pada suatu hari berlaku pergaduhan antara Datuk Bendahara dengan Datuk Raja. Sejak perselisihan itu Datuk Raja tidak senang lagi duduk dalam kalangan kaumnya. Datuk Raja hendak meninggalkan kampungnya menuju ke tanah seberang dan isterinya Tok Seri bersetuju untuk pergi bersama.

Pada hari yang baik kedua suami-isteri itu pun berangkatlah bersama sanak saudaranya seramai tiga puluh orang lelaki dan perempuan. Yang perempuannya kesemuanya dari Suku Batu Hampar juga.



Seperti yang lazim dilakukan pada waktu itu, mula-mula mereka menuju ke Siak dari tanah Minang dan dari Siak barulah menyeberang ke Melaka. Dari Melaka Datuk Raja menuju ke Naning dan terus ke Rembau tempat yang ditujunya. Pada waktu itu Rembau sebuah luak yang sedang maju dan bandar tempat berniaga terdiri di tebing Sungai Renajis. Datuk Raja pun pergi berjumpa dengan Datuk Undang Rembau untuk meminta izin tinggal di Rembau. Datuk Undang Rembau membenarkan Datuk Raja membuka tanah subur di lembah sebalik banjaran bukit-bukit itu kerana tanah-tanah disekitar Rembau telah bertuan.

Apabila tiba di tempat yang dituju Datuk Raja telah memilih satu tempat dan dinamakannya Sungai Layang. Sungai Layang ini diusahakan oleh Datuk Raja dengan bantuan dari Datuk Undang Rembau sehingga Sungai Layang menjadi masyhur ke sana sini.

Sementara itu kaum Datuk Raja dan Tok Seri sudah berkembang biak dan anak-anak mereka pun sudah meningkat dewasa. Oleh sebab mereka itu satu Suku maka tiadalah boleh dikahwinkan dengan saudara sesukunya. Datuk Raja dan Tok Seri enggan melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Adat Perpatih yang mereka warisi itu.

Kebetulan pula, pada waktu itu ada satu rombongan orang Minangkabau yang baru sahaja tiba di Rembau. Rombongan ini diketuai oleh Sutan Sumanik dan Johan Kebesaran. Mereka ini dari Suku Tanah Datar iaitu keturunan Datuk Makhdum Sakti. Mereka disuruh oleh Datuk Undang Rembau membuka tanah di Sungai Layang. Kedatangan rombongan ini disambut oleh Datuk Raja dan Tok Seri.

Orang-orang Suku Tanah Datar memilih satu tempat yang mereka namakan Tanjung Alam. Sejak itu kedua-dua Suku ini selalulah bergotong-royong mendirikan kampung-kampung yang baru.

Tiada berapa lama datang pula satu rombongan lagi yang diketuai oleh Datuk Putih dari Suku Lemak. Datuk Putih adalah seorang bomoh besar. Datuk Putih dilantik menjadi Pawang Negeri di Sungai Layang. Sekarang ramailah penduduk negeri baru dan mereka bersemenda-menyemenda dengan Suku berlainan. Pada

suatu hari mereka bermaufakat untuk mencari satu tempat perkampungan baru. Tugas mencari tempat ini diserahkan kepada Datuk Putih.

Maka pada suatu hari ditetapkan rombongan yang telah diperlengkapkan dengan segala adat istiadat pun berjalan keluar dalam satu barisan. Datuk Putih mulutnya sentiasa berkumat-kumit, membilang-bilang, memuja tanah, memuja langit, memuja hutan dan memuja sekelian datuk yang tinggal di tempat yang dilaluinya itu.

Tiba-tiba Datuk Putih berhenti berjalan dan menunjuk kepada satu arah. Orang-orang yang bersama dengannya semua memandang ke arah itu. Di tengah-tengah semak belukar di tanah paya itu kelebihan tiga tangkai padi yang lebat buahnya. Warnanya yang kuning seperti emas memancar-mancar berkilauan. Datuk Putih pergi ke tempat itu dan mengurut-ngurut padi itu. Dia bersetuju kampung baru yang dicari mereka didirikan di situ. Maka tempat itu pun dibuka dan Datuk Putih menamakannya "Seri Menanti" atau "Padi Menanti" atau "Semangat Padi Yang Menanti".

Setelah dibuka tempat itu ramailah orang-orang Minangkabau menetap di situ. Beberapa tahun kemudian penduduk di situ bertambah menjadi dua belas Suku.

Raja Melewar Dengan Penghulu Naam

Setelah lama menetap di Negeri Sembilan timbul keinginan orang-orang Minangkabau untuk berajakan seseorang dari Pagar Ruyong.

Sultan yang memerintah di Pagar Ruyong ialah Sultan Abdul Jalil. Permohonan orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan diperkenankan oleh baginda. Baginda menghantarkan puteranya bernama Raja Melewar dijadikan raja.

Sebelum Raja Melewar berangkat, Sultan Abdul Jalil telah mengirim seorang pembesar bernama Raja Khatib untuk membuat persiapan. Tetapi apabila Raja Khatib sampai di Rembau, beliau mengaku dia telah diutuskan oleh Raja Jalil menjadi Sultan. Raja Khatib terus diangkat menjadi Yang Dipertuan tanpa diperiksa oleh Luak Rembau. Raja Khatib merasa bimbang kedudukannya itu lalu berpindah ke Seri Menanti yang diperintah oleh Penghulu Naam. Raja Khatib dikahwinkan dengan Warna Emas anak Penghulu Naam.

Tidak berapa lama kemudian terdengarlah khabar Raja Melewar sampai di Johor. Kemudian tiba di Naning dan akhirnya sampai di Rembau bersama rombongannya. Datuk Undang Rembau sungguh terperanjat dan telah memecat Raja Khatib dan melantik Raja Melewar menjadi Yang Dipertuan. Setelah dilantik sebagai Yang Dipertuan baginda berangkat ke Seri Menanti mendapatkan Raja Khatib untuk menuntut bela. Akan tetapi Raja Khatib telah dapat mlarikan dirinya. Penghulu Naam di Seri Menanti tidak mahu mengaku Raja Melewar sebagai Yang Dipertuan, oleh itu ia telah mengadakan persiapan untuk mengusir Raja Melewar. Pertempuran telah berlaku. Akhirnya Raja Melewar telah mendapat kejayaan. Penghulu Naam ditangkap dan dihukum pancung, tetapi sungguh ajaib, Penghulu Naam boleh hidup kembali dan mengamuk di kampung itu.

Melihat keadaan yang demikian Raja Melewar pun mengambil sebuah batil yang berisi sehelai rambut yang panjang. Raja Melewar bertafakur di depan batil itu. Kedengaranlah oleh Raja Melewar suara mengatakan bahawa Penghulu Naam itu dapat diceraikan kepala dan tubuhnya dengan cara mengasingkan kepala dan tubuh-

nya bila ditanam. Setelah Raja Naam dapat ditangkap semula maka kepalanya ditanam pada satu bukit yang bersetentang dengan sebuah bukit tempat tubuhnya ditanam. Di tengah kedua bukit ini terdapat sebatang sungai. Bukit yang sebuah itu dipanggil Bukit Tempurung (tempurung kepalanya); dan yang sebuah lagi dipanggil Bukit Taboh (atau tubuh).

Batil yang berisi rambut yang dipunyai oleh Raja Melewar kononnya masih disimpan dengan baiknya di Istana Seri Menanti.



ILMU MEMIMPIN

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN
TUN SERI LANANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA